

11/03/1997

KBB perkenal kaunter bergerak

MULAI tahun ini Kewangan Bersatu Bhd (KBB) memperkenalkan perkhidmatan kaunter bergerak ke sekolah untuk memudahkan pelajar menabung.

Pengurus Kewangan dan Perbendaharaan KBB, Wan Mohamad Zudin Wan Hassan, berkata langkah itu sejajar usaha kerajaan meningkatkan amalan menabung di kalangan rakyat.

Katanya, KBB turut menjayakan Kempen Galakan Tabungan yang dilancarkan Disember tahun lalu.

Kempen itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, antara lain menjadikan pelajar, pekerja dan wanita sebagai golongan sasaran utama.

"KBB dengan kerjasama Kementerian Pendidikan mengadakan perkhidmatan kaunter bergerak di beberapa sekolah terpilih, iaitu antara tiga hingga lima sekolah setiap negeri.

"Ini membolehkan pelajar membuka akaun simpanan dan menabung dari dengan mudah," katanya selepas merasmikan majlis Aidilfitri anjuran KBB di Rumah Anak Yatim Gedong Lalang dekat Seremban, semalam.

(END)